

15/01/2003

Kerajaan negeri setuju skop seragam syariah diperluaskan

SEREMBAN: Semua kerajaan negeri bersetuju supaya penyeragaman Undang-Undang Syariah yang mencetuskan pelbagai kontroversi sejak kebelakangan ini dilakukan dalam skop lebih luas.

Jurucakap Menteri Besar dan Ketua Menteri, Tan Sri Mohd Isa Abdul Samad,

berkata persetujuan itu dicapai dalam mesyuarat yang dipengerusi Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, pagi semalam.

Mohd Isa yang juga Menteri Besar Negeri Sembilan berkata, Perdana Menteri juga akan mengadakan mesyuarat khas dengan beberapa jabatan dan agensi berkaitan berhubung perkara itu.

Katanya, penyeragaman Undang-Undang Syariah sebenarnya telah dibuat beberapa tahun lalu tetapi perlu diperluaskan supaya semua negeri mempunyai undang-undang yang sama.

Beliau berkata, poligami juga adalah antara isu yang akan diseragamkan dalam perkara ini.

"Perdana Menteri juga menyentuh mengenai Mahkamah Syariah pagi ini (semalam). Semua Menteri Besar dan Ketua Menteri bersetuju. Langkah berikutnya akan dibuat dalam mesyuarat (akan datang)," katanya ketika ditemui sebelum majlis makan malam meraikan pertukaran Pengarah Pendidikan Negeri Sembilan di Hotel Hilton, malam tadi.

Undang-Undang Syariah Islam menjadi isu hangat berikutan kontroversi seperti poligami dan terbaru berhubung dilema Siti Fauziah Abdul Rahman, 32, mengenai hak penjagaan anak perempuannya.